

# Universiti perlu hidup bersama masyarakat

## Usaha jana sumber modal insan dipergiat

Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) amat dituntut selari dengan peranannya melonjakkan daya saing Malaysia pada peringkat global. Lebih-lebih lagi dalam konteks menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, kedudukan IPT perlu cemerlang dalam segenap aspek.

Bagi mengupayakan lagi peranan IPT, lima buah universiti awam telah diiktiraf sebagai universiti penyelidikan, iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Fokus dan tambahan dana penyelidikan diberikan sejak tahun 2007 telah memperkuuh pencapaian mereka menjadi universiti ber reputasi antarabangsa.

Melalui pengumuman QS World Ranking University Ranking 2015 baru-baru ini, lima universiti penyelidikan berada dalam kelompok 400 terbaik dunia. Ia didahului UM pada kedudukan 146. UPM memperbaiki kedudukan di kedudukan 331 dengan skor 39.7 peratus, berbanding tangga 376 tahun lalu. Kenaikan sebanyak 45 anak tangga ini menggambarkan prestasi cemerlang UPM.

Pada peringkat Asia, UPM berada dalam kelompok 100 terbaik, iaitu di tangga 66 berbanding 76 pada tahun lalu. Dalam konteks ranking mengikut disiplin pertanian dan perhutanan pula, UPM kekal tersenarai dalam kelompok 51 hingga 100 terbaik dunia tiga tahun berturut-turut. Pengiktirafan ini amat membawa makna kepada pembangunan dan kemajuan universiti.

Ukuran dan peratus pemberat ditetapkan oleh QS ialah 40 peratus untuk reputasi akademik; 20 peratus sitasi setiap fakulti, 20 peratus nisbah pelajar di fakulti, 10 peratus sorotan majikan antarabangsa dan 10 peratus orientasi antarabangsa, iaitu masing-masing lima peratus untuk pelajar antarabangsa dan fakulti antarabangsa. Keseluruhannya, pembahagian peratus pemberat dan indikator ini dapat diklasifikasikan mengikut fungsi atau teras institusi seperti akademik sebanyak 60 peratus, penyelidikan 20 peratus, jaringan Industri/Majikan 10 peratus dan pengantarabangsaan 10 peratus.

### UPM di landasan tepat

Kejayaan UPM memperbaiki kedudukan dalam ranking QS seiring dengan Pelan Strategik UPM 2014-2020 bermakna PUTRA GLOBAL 200 (PG200). Ia digubal bagi mendasari komitmen UPM untuk menjadi salah sebuah universiti ber reputasi antarabangsa dengan melonjakkan pencapaian kedudukan universiti dalam senarai 200 universiti terbaik di dunia melalui penilaian QS World Ranking University Ranking. Pelan ini dirangka dan dibangunkan untuk

tujuh tahun dari 2014 hingga 2015 (dua tahun), 2016 hingga 2018 (tiga tahun) dan 2019 hingga 2020 (dua tahun).

Mengekalkan pencapaian adalah lebih sukar daripada menciptanya. Justeru, universiti perlu mencorak strategi dan pendekatan berdasarkan senario pengantarabangsaan universiti yang selari dengan indikator QS World University Ranking.

Seperti pernah saya nyatakan dalam Perutusan Tahun Baharu 2015, UPM akan sedaya upaya meluaskan inisiatif bagi meningkatkan reputasi akademik, reputasi majikan, pembangunan bakat intelek global, pembangunan perhubungan strategik industri, kebolehpasaran graduan, kualiti kemudahan pelajar, geran penyelidikan awam dan antarabangsa, kerjasama penyelidikan antarabangsa, meningkatkan kuantiti dan kualiti penerbitan, jaringan masyarakat, rangkaian alumni dan pengurusan pelaburan kewangan untuk penjanaan pendapatan yang kompetitif.

### Sumbangan pada negara

Walaupun pencapaian ranking menjadi antara ukuran utama kecemerlangan universiti, ia sama sekali tidak boleh meminggirkkan peranan hakiki universiti memenuhi tuntutan dan keperluan negara. Sehubungan dengan itu, usaha menjana sumber modal insan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang akan terus dipergiatkan.

Pada masa sama, usaha memindahkan ilmu serta kepakaran kepada masyarakat mesti diperkasakan. Melalui penubuhan Pusat Transformasi Komuniti Universiti atau University Community Transformation Centre (UCTCs), universiti boleh memberi sumbangan yang bermakna berdasarkan nic masing-masing dengan menggerakkan sumber intelektual dan infrastruktur fizikal universiti untuk mentransformasikan komuniti.

Ini dapat dilakukan antaranya dengan menghubungkan tenaga akademik dan mahasiswa dengan komuniti dalam konteks mewujudkan kursus praktikal yang boleh menangani persoalan komuniti setempat, mempromosi keusahawanan, menghubungkan UCTC dengan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) serta mengizinkan penggunaan prasarana universiti oleh komuniti.

Kedudukan ranking yang baik perlu untuk membuktikan universiti berada pada tahap kecemerlangan dan mempunyai reputasi antarabangsa. Namun pada masa yang sama, universiti juga perlu hidup bersama masyarakat dan memberi sumbangan yang lebih bermakna kepada kehidupan.



**Penulis**

ialah Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM)



DR MOHD FAUZI RAMLI